

Mahasiswa Dekati Masyarakat dalam Program Pewaris Muda Negara



Jerantut, 17 Oktober- Seramai 35 orang mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Pewaris Muda Negara Peringkat Negeri Pahang di Kampung Merting Jerantut Pahang anjuran UMP dengan kerjasama Jabatan Penerangan Negeri Pahang.

Sepanjang program berlangsung pelbagai aktiviti diadakan seperti kem motivasi untuk murid Sek Kebangsaan Merting, aktiviti sukaneka, gotong-royong, kenduri rakyat dan menyaksikan wayang pacak yang merupakan pertunjukan wayang yang dianjurkan yang agak sinonim sekitar tahun 1960-an hingga 1970-an.



Bagi Pendaftar UMP, Abd. Hamid Majid yang hadir dalam program berkata, penyertaan mahasiswa ini sebagai medium penghubung antara universiti, agensi dan masyarakat. Selain menyalurkan maklumat berkaitan dasar-dasar kerajaan, program pengajian dan pengalaman kampus, mahasiswa juga berpeluang mendekati kehidupan masyarakat kampung melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan.

"Kebanyakan mahasiswa yang datang terdiri daripada mereka yang mempunyai pelbagai latar belakang. Penganjuran program seperti ini memberi peluang mereka untuk menyelami cara hidup masyarakat di kampung serta dapat memberi contoh teladan dan motivasi kepada kanak-kanak di sini,"katanya.



Lebih istimewa buat penduduk kampung Merting apabila Pusat Sukan Dan Kebudayaan UMP turut membawa Kumpulan Kesenian Kencana Pawana Kampus Pekan dan Gambang untuk membuat persembahan kesenian dan hiburan. Acara yang dinamakan Malam Aspirasi Seni ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan.

Sementara itu, ketika berucap dalam majlis penutup program, ADUN Tahan, Dato' Sri Hj Wan Amizan Wan Abdul Razak menyeru mahasiswa untuk sentiasa turun padang mendekati masyarakat terutamanya di kawasan pedalaman seperti di Kampung Bantal dan Kampung Mat Daling di Jerantut.

Katanya melalui cara tersebut, mahasiswa dapat merasai sendiri kehidupan masyarakat di samping menikmati panorama indah dan secara tidak langsung dapat menanam rasa kecintaan terhadap alam.

Disediakan Anuar Abul Aziz dari Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : NUR LAILA BINTI AFANDI Date Posted : 20-10-2017, 17:43:24